


# BAGAIMANA MENDAPATKAN BANTUAN PERUBATAN pada waktu malam, hujung minggu atau hari cuti umum



Sistem perubatan Australia begitu rumit. Jika anda atau ahli keluarga anda jatuh sakit, anda perlu tahu perkhidmatan kesihatan mana yang patut digunakan, waktu urusannya dan berapa bayarannya. Dokumen ini menerangkan lebih lanjut cara mendapatkan bantuan perubatan di luar waktu urusan biasa di Australia.

## PENERANGAN UNTUK PEMOHON SUKA DI VICTORIA:

Anda boleh mendapat rawatan perubatan percuma di unit kecemasan hospital. Khidmat perubatan yang lain bergantung pada visa anda. Perkhidmatan yang tersedia mungkin berubah dari semasa ke semasa.

Bertanyalah kepada pekerja kes anda tentang perkhidmatan yang tersedia.

## Apa yang patut dilakukan jika anda jatuh sakit di luar waktu urusan doktor.

Jika jatuh sakit dan memerlukan doktor pada waktu malam, hujung minggu atau hari cuti umum, anda dapat menggunakan salah satu khidmat perubatan percuma ini.

### Untuk bantuan melalui telefon:

- Jururawat di Telefon (Nurse on call) **1300 60 60 24** (di Victoria)
- Talian bantuan GP (healthdirect) waktu malam **1800 022 222**

### Jika memerlukan doktor untuk datang ke rumah:

- Doktor di Rumah (The Home Doctor) **13 74 25** (di Victoria)



Jika tidak bertutur Bahasa Inggeris, khidmat jurubahasa PERCUMA dapat membantu anda menghubungi talian-talian ini.

**LANGKAH 1** Telefon TIS **131 450** untuk meminta bantuan jurubahasa.

**LANGKAH 2** Minta jurubahasa TIS menghubungi perkhidmatan yang anda perlukan.

## Unit Kecemasan Hospital

Unit kecemasan adalah untuk masalah perubatan yang memerlukan rawatan segera, misalnya:

- masalah pernafasan
- perdarahan yang tidak berhenti-henti
- patah tulang atau cedera di kepala
- kesakitan di dada

**Jika ada kecemasan perubatan, telefon 000 untuk memanggil ambulans ATAU pergi ke Unit Kecemasan di hospital terdekat.**

Unit kecemasan SENTIASA DIBUKA - **Setiap Hari - Sepanjang hari dan malam.** NAMUN anda mungkin perlu menunggu lama kerana unit kecemasan mendahulukan pesakit yang paling serius, bukan siapa yang datang dahulu.

**Apabila pergi ke Unit Kecemasan:**

- bawa kad Medicare dan Kad Penjagaan Kesihatan anda jika ada.
- minta bantuan jurubahasa jika anda perlukan.
- bertanya kakitangan sebelum makan atau minum sesuatu.

**Nombor 000 boleh dihubungi setiap masa dengan percuma dari mana-mana telefon.**



## Ambulans

Telefon ambulans **000** jika ada sebarang kecemasan perubatan.

Kecemasan perubatan bererti penyakit serius atau kecederaan parah, yang memerlukan bantuan dengan segera.

**JANGAN hubungi ambulans jika anda:**

- tidak memerlukan bantuan segera.
- memerlukan pengangkutan untuk berjumpa doktor tetapi bukan kerana kecemasan.
- mampu pergi sendiri ke Unit Kecemasan.

Perkhidmatan ambulans mungkin **SANGAT mahal.**

Di sesetengah negeri, ambulans disediakan secara percuma jika anda:

- mempunyai Kad Penjagaan Kesihatan Centrelink.
- mempunyai Kad Konsesi Pesara.
- anggota perkhidmatan ambulans negeri anda.
- mempunyai insurans swasta yang menanggung kos ambulans.

**Medicare TIDAK MENAMPUNG kos ambulans.**



Kami mengiktiraf risalah 'Using health services in the ACT', terbitan kerajaan ACT, yang menjadi sumber maklumat risalah ini.